

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 16

BANDAR BRUNEI, RABU, 17 AUGUST, 1960 (24 Safar, 1380)

PERCHUMA

SARAWAK PINJAM \$20j. DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah memberi bantuan kepada Kerajaan Sarawak dengan meminjamkan wang sebanyak \$20,000,000 melalui Crown Agents yang telah mengeluarkan tawaran meminjam di-pasaran wang London bagi pihak Kerajaan Sarawak.

Pinjaman itu memberi faedah sa-banyak 6½% mengikut kadar faedah yang di-dapati di-pasaran wang pada masa tawaran meminjam itu di-umumkan pada 15 June.

Kerajaan Sarawak di-katakan memerlukan wang tersebut untuk membelanjakan ranchangan2 perkembangan di-bawah Ranchangan Kemajuan-nya.

Dalam satu pengumuman Kerajaan Sarawak berkata :

"Menurut maksud2 yang telah di-nyatakan berkenaan dengan Ranchangan Kemajuan yang memerlukan pinjaman wang untuk membelanjakan perkembangan

kan pada 15 June dan semua-nya telah di-ambil oleh Kerajaan Brunei atas kadar 6½% yang di-tetapkan di-pasaran wang pada masa itu.

"Tujuan2 yang menyebabkan pinjaman itu di-tawarkan adalah seperti yang di-nyatakan dalam Ranchangan Kemajuan Sa-mula tahun 1959-1963 dan juga kerana membelanjakan kerja2 dalam ranchangan tersebut yang memberi hasil sa-chara langsung dan juga kerana ranchangan2 itu boleh memikul perbelanjaan dan dapat membayar balik pinjaman itu serta faedah-nya."

ekonomi Sarawak, Crown Agents telah di-minta menawarkan pinjaman bagi pihak kerajaan ini sa-banyak \$20,000,000.

"Pinjaman itu telah di-tawar-

2,000 TETAMU MAJLIS PERKAHWINAN DIRAJA



Persandingan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saerah dan Pengiran Anak Chuchu.

ISTIADAT MENGADAP DI-ISTANA

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah jawatankuasa kecil bagi Majlis Istiadat Mengadap hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kali yang ke-44 telah di-lantik untuk menguruskan acara mengadap pada 23 September.

Lantikan jawatankuasa kecil itu telah di-umumkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Dipertua Adat Istiadat pada 1 August lepas.

Jawatankuasa itu mengandungi 20 orang ahli dengan Yang Berhormat Inche Mohd. Jamil bin Umar sa-bagai setiausaha-nya.

Dalam meshuarat pada 6 August, jawatankuasa itu telah memutuskan beberapa perkara mengenai kerja2 yang berhubung dengan hari istiadat mengadap itu.

Antara lain2 keputusan yang telah di-ambil oleh jawatankuasa tersebut ialah memberi pass kereta kepada ketua2 pejabat dan orang2 kenamaan supaya kereta2 mereka dapat di-tempatkan di-kawasan khas.

Jawatankuasa itu juga akan menguruskan dengan kerajaan supaya bas2 dapat di-sediakan untuk membawa para jemputan dari perhentian2 kereta.

BANDAR BRUNEI. — Satu perkahwinan agong yang penuh dengan istiadat kebesaran Diraja telah di-langsungkan di-rumah besar Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-Jalan Carey di-sini pada hari Juma'at lepas antara puteri-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saerah dan Yang Mulia Pengiran Anak Chuchu bin Almerhum Pengiran Muda Salleh.

Perkahwinan Diraja itu telah di-saksikan oleh kira2 2,000 orang yang telah di-jemput oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha bagi pihak pengantin laki2, anak saudara-nya, dan Duli Pengiran Bendahara bagi pihak puteri-nya.

Antara dhaf2 ia-lah Duli Yang Maha Mulia, putera2 dan puteri2 baginda dan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Dato I.W. Blelloch.

Istiadat perkahwinan itu telah di-mulai dengan rasmi-nya pada 8 August dengan mengadakan istiadat jaga2 kurnia Diraja di-Surau Diraja dan sa-bagai mengumumkan istiadat itu meriah 12 das telah di-tembakkan.

Istiadat perkahwinan telah mengambil masa sa-lama dua minggu ia-itu sa-belum 8 August dan beberapa hari sa-telah acara2 rasmi di-tamatkan pada 14 August.

Sa-jumlah 73 das meriah telah di-tembakkan sa-bagai mengisytiharkan permulaan satu2 istiadat ia-itu istiadat jaga2 kurnia Diraja, 12 das; masuk berbedak, 7 das; menghantar pertunangan, 7 das; masuk berhinai 7 das; akad nikah, 9 das; kahwin, 12 das; pengantin laki2 boleh ka-rumah, 7 dan doa selamat, 12 das.

Istiadat masuk berbedak telah di-adakan di-Ramah Besar Duli Pengiran Bendahara pada malam 8 August.

Pada malam 9 August telah di-langsungkan istiadat menghantar pertunangan. Istiadat masuk berhinai di-lakukan pada malam 11 August.

(Lihat muka 5)

JAWATAN KUASA PERLUKAN DERMA

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi jawatankuasa kewangan perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengumumkan bahawa derma sa-banyak \$5,573 telah di-terima daripada para dermawan di-Bandar Brunei.

Wang itu akan di-gunakan untuk membelanjakan berbagai2 acara sambutan yang telah di-ranchangkan dalam perayaan kerana menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44 pada 23 September akan datang.

Pengiran Yusuf menegaskan bahawa untuk menjayakan perayaan tersebut sa-kurang2-nya \$15,000 ada-lah di-kehendaki.

Para dermawan yang telah menderma itu ada-lah seperti di-siarkan pada muka 2.

Konsul Agong melawat ka - Brunei

BANDAR BRUNEI. — Konsul Agong Jerman Barat di-Singapura, Dr. Heinrich Reohreke telah singgah di-Brunei pada 4 August dalam bidang lawatan-nya ka-negeri2 British di-Borneo.

Dr. Reohreke datang bersama isteri dan anak perempuan-nya. Mereka telah menginap di-rumah Pemangku Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Dato I.W. Blelloch, sa-hingga berangkat ka-Jesselton pada 6 August.

Sa-belum berlepas ka-Jesselton Dr. Reohreke dan keluarga telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Dr. Reohreke dan keluarganya telah mengambil kesempatan melawat Kampong Aver mesjid Omar Ali Saifuddin dan makam Sultan Bolkiah sa-belum berlepas ka-Jesselton.

Pameran tanaman dan perusahaan

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan Tanaman Sa-Negeri Brunei sa-bagaimana tahun2 yang lalu akan di-adakan pada 21 August akan datang bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal Alam di-sini.

Pertunjukan tersebut akan di-hakimkan oleh para pengadil-nya sa-jurus sa-telah di-buka dengan ramai-nya oleh isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara pada jam 8.00 hingga 10.00 pagi.

Pertunjukan Tanaman Sa-Negeri Brunei pada tahun ini mengandongi hasil tanaman2, perusahaan2 dan pekerjaan tangan oleh penduduk negeri Brunei; antaranya ia-lah :

◆ Jenis2 Pokok : buahan2, sayoran2 dan bungan2.

◆ Jenis Buah2 : buahan2 yang bermusim dan buahan2 yang tidak bermusim.

◆ Jenis2 Binatang Teranakan : Lembu, Kambing, Ayam, Itek dan lain2.

◆ Jenis2 Perusahaan dan Pertukangan Tangan : chontoh reban ayam, chontoh tali ayer, barang2 pertukangan perak, tennan kain2, barang pertukangan kayu, anyaman2 tikar, barang2 pertukangan tembaga, kain2 dari da'erah pendalaman dan lain2.

◆ Jenis Masakan2.

◆ Dan lain2 barang2 yang berhubungan dengan kesenian kerja tangan penduduk2 Brunei.

Barang2 pertunjukan tersebut di-pamerkan kepada orang ramai dari jam 10.15 pagi hingga 5.00 petang.

Sa-lain dari pada itu "Pasar Gemgira" juga akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dengan permainan Tikaman2 kepada penuntun2 dari jam 7.00 hingga 10.15 malam dengan menyediakan binatang2 teranakan, buahan2, sayoran2, jenis bungan2 dan lain2 barang sa-bagai hadiah-nya kepada siapa2 yang bernasib baik.



Lima orang pegawai Pejabat Pelajaran Brunei di-ketuai oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji (kanan sa-kali) telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur pada 10 August untuk meninjau pertadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu.

Pemergian mereka itu ia-lah lanjutan dari keputusan Majlis Mesuarat Negeri yang lalu yang mendesak supaya satu badan bebas di-tubuhkan di-sini untuk menjamin perkembangan bahasa Melayu yang telah di-jadikan bahasa rasmi Negeri Brunei.

Lain2 ahli rombongan itu ia-lah dari kiri:—Inche Umar bin Mohamed, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Inche Ibrahim bin Said dan Yang Berhormat Inche Jamil bin Umar.

SENARAI PARA PENDERMA FUND KEWANGAN HARI KEPUTERAAN DYMM

BANDAR BRUNEI. — Di-bawah ini di-siarkan nama para penderma yang telah menderma kepada fund kewangan perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 23 September hadapan.

Sa-banyak \$5,573 telah di-dapati tetapi fund itu berkehendakkan sa-kurang2-nya \$15,000 untuk menjayakan acara2 perayaan yang telah di-tetapkan.

Hong Guan, \$200; Teck Guan, \$300; Borneo Merchant, \$100; Liong Yu & Co., \$50; Liang Huat, \$50; Teck Hin, \$20; Hai Guan, \$30; Wing Yick, \$20; Lam Hing Hong, \$100;

Bee Hiong Restaurant, \$30; Hup Seng, \$20; Sin Hing, \$10; Fan Fah, \$5; Nam Taw, \$50; Lai Guan, \$10; Abd. Hamid bin Ismail, \$15.

Chang Ein Hong, \$20; Seng Teck, \$20; Jin Aik, \$10; Tan Kok Hua, \$10; Sui Teck Gold Smith, \$10; Chuan Guan, \$10; S.H. Umar, \$10; Chop Aik Seng, \$10; Lim Hock Jin, \$15; Wee Kim Chuan, \$15; Guan Fatt, \$10; Lee Fatt, \$10; Seah Hiang Kee, \$20; New World, \$10.

Pan Hiong, \$20; See Hing, \$10; Guan Chuan, \$10; Vincent Wong, \$50; Limbang Trading, \$50; George A. Foot & Co., \$25; Jin Chaew, \$20; Chop Chip Chin Seng, \$100; Chop Low San, \$25; Aik Guan, \$20; Guan Hock Lee, \$20; Chan Siew Kee, \$20; Lee Tsai Yeng, \$5; Tung Seng, \$5; Chung & Hiew Elect., Co., \$10; Glamour, \$10.

Brunei Hotel, \$100; O.K. Restaurant, \$20; Castle Trading Co., \$10; Kim Seng Choon, \$100; Seng Huat, \$50; Brunei Cafe Union Bakery, \$20; Chop Bee Hin, \$50; A.M. Mohd. Ali Makicar, \$50.

Chop Bee Seng, \$200; Seng Guan Lee, \$10; Tan Kok Tong, \$50; Chye Ghee Seng, \$50; Leong Soon Goh Siong Kee, \$20; Leong San, \$10; Chin Thong, \$20; Sin Hup Leong Co., \$20; Chuan Huat, \$10; Hsi Hu Cafe, \$20; San Kong, \$30; Hoo Hing Co., \$10; Brunei Motor Supply, \$20; Yu Cheong Trading Co., \$20;

Kian Lee, \$20; Chiew Min Dispensary, \$10; Kim Guan Gold Smith, \$10; Boston Co., \$10; Ban Moh, \$10; Malayan Electrical Co., \$30; Eastern Trading Co., \$30; Pak Koon, \$10; Boon Guan, \$30; Tiong Guan, \$20;

Sin Sing Kee, \$30; Tung Jin Tong, \$40; Sweet Hock Hin, \$50; Tien Nam Juan, \$100; Chop Seng Kee, \$20; Kong Guan Co., \$100; Hock Huat, \$100; Chop Kheng Seng, \$30; Melayu & Co., \$40; Kien Seng, \$10; Leong Soon Huat, \$30;

Chop Chee Hoe, \$100; Pengiran Haji Md. Said, \$10; Chuan Ann Tailor, \$5; Sin Hiap Hin, \$30; Kian Wah Gold Smith, \$20; Tong Ah Cafe, \$30; Sin Lam Keow, \$10; Kian Hin, \$50; C.A. Mohammad, \$15; Asia Tailor, \$10; Sin Mui Gold Smith, \$30; Chop Kuang Sen, \$10;

Chop Aik Thye, \$100; Chuan Nan, \$20; England Tailor, \$5; Suom Huat, \$10; Teck Onn Dispensary, \$5; Sing Lee, \$10; Woo Chang, \$10; Sin Tai

Peng, \$20; Hen Long, \$30; Lian Joo, \$50; Chin Chin Gold Smith, \$30.

Hock Hung Hing, \$30; Wing Cheong Gold Smith, \$20; Ang Siong Joo, \$200; Tukang Gambar, \$5; Soon Huat, \$5; Continent Studio, \$10; Ling Ee Loong Barbers, \$5; Lian Hong Gold Smith, \$20; Jen Guan, \$20;

Malabar Muslim Restaurant, \$20; A. Muthian, \$50; Chop Eng Leon, \$20; Hou Woon Hui Dentist, \$10; Eng Joo, \$50; Hong Soon, \$20; Eng Chai Seng, \$10; Chee Guan, \$30; Lam Seng, \$20; Lok Wee, \$10; Lam Hoe, \$10;

Chong Hock & Sons, \$10; Seng Guan, \$30; Chop Soon Hin, \$20; Hwa Chuan, \$20; Eng Seng, \$20; Lian Guan Chan Kee, \$10; Lai Wah, \$20; Tiong Hin, \$10; Lim Beng Guan, \$20; Seng Hin, \$10; Lian Hock, \$3; Sino Malayan Contractor, \$1,000.

***** ROMBONGAN 20 PELATEH PULIS KA-MALAYA *****

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang pelateh2 pulis tempatan akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal laut pada hari Ithnin hadapan untuk berlatheh di-Pusat Latehan Pulis di-Kuala Lumpur.

Rombongan itu di-ketuai oleh Sergeant Major Mohamed Ali bin Ali Akbar.

Pelateh2 pulis itu akan berlatheh mulai awal bulan September sa-lama delapan bulan.

Terlebih dahulu empat puluh orang pelateh2 pulis Brunei yang terdiri dari dua rombongan telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatheh pada tahun ini.

Rombongan pertama di-jangka akan balek ka-Brunei pada bulan February tahun hadapan.

Lawatan muhibbah ka-Kuching

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan sa-ramai hampir 60 orang guru2 Melayu negeri Brunei akan mengadakan perlawanan permainan sa-chara persahabatan dengan orang2 Melayu di-Kuching dalam permainan hockey, bola sepak, badminton dan jenis2 permainan dalam.

"Rombongan tersebut akan bertolak dari Brunei pada 22 August hadapan sa-bagai memenohkan chuti persekolahan penggal

II sekolah2 Melayu negeri Brunei", kata Inche Abd. Hamid bin Othman, Penolong Setia Usaha Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Di-jadualkan mereka akan berada di-Kuching sa-lama sa-minggu.

Sa-lain mengadakan permainan sa-chara persahabatan rombongan tersebut akan melawat sekolah2 dan tempat yang menarik perhatian.



Untuk memberi kemudahan kepada penduduk2 luar bandar, Pejabat Perubatan Brunei telah melancarkan baharu2 ini perkhidmatan kereta gigi-nya. Kereta itu melawat ka-kampung2 dan memberi rawatan khas-nya kepada murid2 sekolah.

Ayam memerlukan makanan, ayer yang berseh

BANDAR BRUNEI. — Saperti yang telah di-janjikan Pelita Brunei memuatkan sambongan kepada renchana Tuan A.K. Sundaram, Pegawai Haiwan Brunei, berkenaan dengan chara2 yang baik menternak ayam.

Dalam keluaran ini Tuan Sundaram menerangkan makanan dan champoran makanan yang sesuai di-beri kepada jenis2 ayam yang di-pelihara supaya memberi keuntungan kepada penternak2-nya.

REBAN AYAM

Jenis2 reban bergantung pada chara pemeliharaan tetapi boleh di-bahagikan kepada :

◆ Reban2 tetap saperti yang di-gunakan untuk ayam2 yang di-kurong dan reban2 yang diserakkan sekam yang tebal atas lantai-nya.

◆ Reban2 yang boleh di-pin-dahkan yang di-gunakan kerana memelihara ayam sa-chara bebas di-kawasan, dan lain2 chara.

Reban ada-lah satu perkara yang mustahak kepada semua penternak ayam di-Brunei. Tujuan-nya ia-lah hendak mengawal ayam itu dari hujan dan hama. Reban2 hendak-lah murah dan senang di-bena dan juga senang hendak di-bersehkan.

Kekeringan hawa sangat mustahak dan yang demikian lantai-nya biar-lah terpisah dari tanah sa-kurang2-nya enam inchi supaya kayu-nya dapat tahan lama. Atap-nya jangan-lah bochor dan yang demikian ada-lah lebeh baik jika atap itu di-buat daripada keping2 aluminium.

Dinding sangat perlu supaya reban itu tidak basah di-sebabkan oleh tempias bila hujan.

Chuchuran atap itu hendak-lah dua kaki jauh-nya dari dinding untuk menambah perlindungan.

Kerugian sering berlaku di-sebabkan oleh biawak, musang dan ular. Semua reban hendak-lah memberi perlindungan dari musuh2 tersebut. Pintu-nya mestilah rapat apabila di-tutup.

KEBERSEHAN

Reban2 itu hendak-lah selalu di-bersehkan supaya tahi ayam tidak bertimbun di-bawah reban dan mesti-lah di-adakan pintu untuk orang keluar masuk mem-bersehkan dalam reban.

Udara hendak-lah dapat masuk dengan sa-chukup-nya dari bawah reban supaya udara yang telah kotor dapat di-gantikan oleh udara yang berseh, tetapi rongga2 itu jangan-lah chelus tikus.

Reban itu hendak-lah di-bena supaya tiap2 ekor ayam dapat kawasan sa-luas 1 kaki persegi dalam reban. Ayam yang berumur lebeh dari 3 bulan hendak-lah di-sediakan tempat tenggek-nya. Kayu tenggek itu boleh di-buat dari kayu2 panjang yang 2 inchi tinggi dan 1 inchi lebar yang telah di-bulatkan bahagian atas-nya.

Jenis2 reban yang di-dapati di-

pusat perchubaaan tanaman di-Kilanas itu ada-lah baik semua-nya untuk di-jadikan tuladan tetapi reban2 yang lebeh murah lagi boleh di-bena dengan menggu-nakan dinding kawat mata punai jika reban itu di-dirikan di-kawa-san2 yang terlindung. Tidak perlu membeli perkakas2 yang mahal untuk membena reban. Reban2 itu boleh di-buat dari-pada papan2 peti yang telah di-pakai.

Ada-lah lebeh baik jika sarang2 ayam tidak di-adakan dalam reban tetapi di-adakan di-luar reban supaya ayam2 itu tidak dapat tidor dalam sarang itu pada malam hari.

Sa-buah peti susu atau peti sabun mital-nya, menchukupi untuk di-jadikan sarang.

TEMPAT MAKANAN

Padi gandum dan sa-umpama-nya boleh di-letakkan di-atas tanah tetapi makanan yang berupa abok hendak-lah di-letakkan dalam tempat makanan yang sa-baik2-nya di-buat daripada logam. Di-atas tempat2 makanan itu sa-elok2-nya di-pasang satu dawai yang boleh berpusing sa-kira-nya ayam2 itu menchuba hendak bertenggek di-atas tempat makanan itu.

TEMPAT AYER MINUM

Penternak2 ayam hendak-lah membuat persediaan supaya bekal-nya ayer yang berseh boleh di-dapati dengan tidak putus2. Tempat ayer yang baik boleh di-buat daripada zinc atau dengan menelangkupkan sa-buah mangkok dalam sa-buah piring atau dengan botol yang di-tangkupkan di-atas sa-buah piring.

MAKANAN AYAM

Perlu di-ingatkan bahawa ibu yang banyak mengeluarkan telur itu kebanyakan-nya menerima sifat itu dari baka-nya. Tetapi sebelum pengeluaran telur yang sa-habis banyak boleh di-dapati, makanan yang cukup yang mengandongi zat2 yang baik ada-lah di-perlukan.

Walau berapa banyak makan-an pun di-beri ayam yang tidak baik keturunan-nya itu tidak akan mengeluarkan telur yang banyak.

Mithal-nya, sa-kira makanan yang cukup ukoran di-beri kepada ayam kampung, perbelanjaan itu tidak akan memberi ke-untungan oleh sebab ayam kam-pung itu tidak boleh mengeluark-an telur yang banyak untuk membena-kan makanan yang mahal itu di-gunakan.

Sama-lah juga keadah-nya ia-

itu kechuali ayam saperti White Leghorn dan New Hampshire Red di-beri makanan yang cukup yang mengandongi zat2 yang baik, ayam2 itu tidak akan memberi keuntungan.

Memberi makanan yang di-se-diakkan mengikut peratoran ada-lah sangat mustahak jika memeli-hara ayam sa-chara berkurong kerana ayam2 itu tidak boleh mendapati makanan yang lain walau pun ia mengais.

Pada masa menyediakan ma-kanan yang mengikut peratoran champoran-nya ada 5 perkara mesti di-ingatkan.

JAGAAN

Makanan perlu supaya ayam itu jangan mati dan memberi tenaga untuk gerak geri biasa dan juga menggantikan tenaga yang telah hilang. Makanan yang mengandongi 2 sampai 2½ oz carbohydrate tetapi tidak mengandongi banyak protein ada-lah mustahak untuk ayam yang 2½ kati sampai 3 kati berat-nya.

Makanan ini lazim-nya berupa jagong, padi dan sa-umpama-nya.

BERTAMBAH BESAR

Anak ayam yang sedang besar itu memerlukan protein dan zat2 logam yang cukup. Bukan sa-haja protein yang di-makan-nya itu mustahak tetapi protein itu hendak-lah dari jenis yang baik dalam masa ayam itu berumur 3 bulan.

Zat protein dari binatang2 ada-lah lebeh baik dari zat protein tumbuh2an. Jumlah zat logam dalam makanan itu juga sangat mustahak sa-telah ayam itu ber-umur 3 bulan hingga ia cukup besar.

Makanan yang moden bagi anak2 ayam sa-hingga berumur 3 bulan mengandongi 18% protein yang baik jenis-nya saperti champoran ikan, daging, susu te-pong atau ragi kering yang semua-nya ia-lah juga sumber2 zat logam yang baik.

(Bersambung).

BINTANG2 FILM NA' DI-JEMPUT KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Bebe-rapa orang bintang2 film Mela-yu harus akan tiba dari Singa-pura ka-Brunei pada bulan ha-dapan untuk mengambil bahagian dalam acara2 perayaan sambu-tan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Ban-dar Brunei.

Lain2 acara yang akan di-langsungkan di-temasha tersebut ia-lah tarian Mak Yong, ia-itu sa-jenis tarian yang di-gemari di-Malaya, terutama sa-kali di-ka-wasan pantai timor Malaya.

Sa-lain dari itu akan di-adakan tarian2 dan nyanyian2 berchorak lama dan baharu, tablo, silap mata, jenaka dan lain2-nya.

Sementara itu ada-lah di-fa-hamkan bahawa pemenang2 da-lam pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1960 ia-itu Norja-nah Mohamed, Noor Sahara Ah-mad, Ali Paun dan lain2-nya akan juga memperdengarkan su-ara2 mereka yang merdu di-te-masha Malam Kesenian Melayu itu.

Pertandingan tinju 27 Aug.

BANDAR BRUNEI. — Satu pertandingan tinju sa-bagai menyambut hari ulang tahun kepu-teraan Duli Yang Maha Mulia akan di-langsungkan di-Dewan Civic Centre pada malam 27 Au-gust.

Sa-ramai dua puluh empat orang ahli2 tinju yang terkenal dari Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait akan mengambil ba-hagian dalam pertandingan terse-but.

Yang Teramat Mulia Duli Pe-ngiran Bendahara telah berkenan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya.



Sekolah Anthony Abell College, di-Seria telah mengadakan sandiwara tamat penggal pengajian sekolah itu pada malam 10 August.

Antara permainan yang di-pertunjukkan ia-lah melompat me-nembusi kalongan api yang telah mengkagumkan para penuntun.

RANCHANGAN KESEHATAN LUAR BANDAR BRUNEI

Dalam masa 10 tahun yang lalu beribu2 kematian telah berlaku antara bayi yang hidup pada masa di-lahirkan. Hari ini bayi di-Brunei mati atas kadar 10 orang bagi tiap2 100 orang yang hidup pada masa di-lahirkan di-negeri ini.

Dalam masa 10 tahun yang akhir ini (1950-1959), 33,761 orang bayi telah di-lahirkan hidup dalam negeri ini. Antara mereka itu 3,502 orang telah mati sa-belum berumur 1 tahun.

KERUGIAN JIWA

Jika kubor kanak2 yang telah mati itu di-sambungkan mengikut satu garisan yang lurus kubor2 itu akan memanjang sa-jauh 14,008 kaki. Sakira-nya bayi2 yang telah mati itu di-tanam dalam kubor2 yang bertalian lurus dari kaki Gunong Kinabalu ka-kemunchak-nya, kubor2 itu akan lebih tinggi dari kemunchak gunong itu ia-itu gunong yang tinggi sa-kali di-Borneo yang yang 13,445 kaki tinggi-nya itu. Kubor2 itu sama-lah dengan dua kali ganda tinggi-nya dari Gunong Tahan, ia-itu gunong yang tinggi sa-kali di-Persekutuan Tanah Melayu yang lebih kurang 7,186 kaki tinggi-nya.

Bagitu-lah burok-nya kerugian jiwa manusia dalam negeri ini.

Apabila di-perhatikan kebanyakan dari kematian antara kanak2 itu berlaku dalam masa mereka berumur sa-tahun. Angka itu tidak termasuk bayi yang mati di-lahirkan, oleh sebab tidak ada undang2 di-negeri ini yang memaksa pendaftaran bayi yang mati di-lahirkan. Ada-lah jelas bahawa kadar kematian bayi di-negeri ini ada-lah lebih tinggi dari kematian di-Persekutuan Tanah Melayu dan lain2 negeri di-dunia ini.

MEMBIMBANGKAN

Perkataan 'kadar kematian bayi' itu harus tidak dapat difahami dengan jelas oleh pembacha2. Kadar kematian bayi bermaana bilangan kematian kanak2 dalam masa berumur sa-tahun bagi 1,000 orang bayi yang hidup pada masa di-lahirkan.

Dalam tahun 1959 kadar kematian bayi bagi negeri Brunei ia-lah 93.07 manakala bayi yang di-lahirkan berjumlah 4,201 orang. Sunggoh pun angka itu harus tidak berapa besar maana-nya kapada orang2 biasa, tetapi yang sa-benar-nya angka itu menimbulkan perhatian yang membimbangkan antara orang2 yang bertanggung jawab tentang pentadbiran kesihatan di-negeri ini.

Angka2 itu jelas menunjukan bahawa sa-ramai 391 orang bayi telah mati dalam

Mulai pukul 4 petang 8 August ini Pejabat Perubatan Brunei telah melancarkan di-seluruh negeri satu gerakan yang di-namakan "Gerakan Kinabalu". Dalam gerakan itu segala usaha akan di-jalankan untuk menchegeh penyakit2 yang menyebabkan bayi2 yang hidup pada masa di-lahirkan mati sa-belum mereka berumur satu tahun.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff, dalam satu penyata yang telah di-sampaikan-nya kapada Setia Usaha Kerajaan menerangkan bahawa sa-ramai 105.32 orang bayi dari tiap2 1,000 orang yang hidup pada masa di-lahirkan telah mati tiap2 tahun sa-belum kanak2 itu berumur sa-tahun, jika di-pukul rata dalam masa 10 tahun yang lalu.

Dalam penyata itu Dr. Abdul Wahab menegaskan bahawa Pejabat Perubatan tidak akan ragu2 mengambil tindakan2 yang sesuai untuk mengurangkan kematian kanak2 di-seluruh negeri.

Antara chadangan-nya ia-lah mendesak kerajaan menimbangkan bayaran allowance kapada ibu2 yang baharu melahirkan anak supaya dapat mereka yang miskin membeli makanan yang menambah kesihatan kanak2.

tahun 1959 sa-belum mereka berumur sa-tahun. Jika di-pukul rata, bilangan bayi yang mati dalam sa-tahun dalam tahun2 1950-1959 ia-lah 105.32 orang.

Jika sa-orang itu membacha daftar kematian bayi sa-lama



Dr. Abdul Wahab

10 tahun dalam tahun2 1950-1959, ia tidak akan senang hati mengetahui bahawa keadaan kadar kematian itu ada-lah turun naik, pada hal di-negeri2 lain di-dunia ini angka-nya sentiasa menjunam turun.

MENGAMBIL LANGKAH

Masa-nya telah sampai bagi kerajaan mengambil langkah2 yang boleh mengurangkan kematian bayi dengan menggunakan segala sumber2 kewangan yang boleh di-dapati-nya.

Saya yakin bahawa kerajaan negeri ini akan memberi pertimbangan yang menasabah kapada ranchangan2 kesihatan luar bandar yang akan memakan belanja berjuta2 ringgit

yang telah di-chadangkan oleh pejabat ini di-bawah anggaran belanjawan tahun 1961.

Ranchangan kesihatan laur bandar itu telah di-ranchanakan atas satu dasar yang meliputi kesihatan ibu dan kanak2, rawatan perubatan, kawalan atas penyakit2 yang berjangkit, kebersihan kawasan, perkhidmatan kebersihan sekolah2, lawatan ka-kampung2, didekan kesihatan, statistik2 yang mustahak dan mengadakan kereta2 perubatan yang mendapat perintah dengan radio meronda di-seluruh negeri.

SANGAT MUSTAHAK

Kanak2 yang berumur belum sa-tahun itu ada-lah sangat mustahak kapada negeri dari segi ranchangan perkhidmatan kesihatan kanak2 bagi masa hadapan yang di-chadangkan bagi negeri ini.

Sebab-nya senang sahaja, kerana 40% dari jumlah kematian dalam negeri ini ia-lah kanak2 yang berumur kurang dari sa-tahun.

Dasar Pejabat Perubatan bagi masa akan datang ia-lah menambah usaha-nya menchegeh penyakit batok kering pada hal hanya 381 orang sahaja dari berbagai garisan umur diketahui telah mati di-sebabkan oleh penyakit batok kering dalam masa 10 tahun berbanding dengan angka yang lebih tinggi ia-itu 3,502 orang kanak2 yang hidup pada masa di-lahirkan telah mati sa-belum umur-nya sampai sa-tahun dalam masa 10 tahun tersebut (1950-1960).

Dari lawatan saya yang baharu ini ka-seluruh negeri, termasuk kawasan2 seperti Ulu Temburong, Labi dan Muara dalam usaha hendak mengetahui segala jalan yang menasabah untuk menyelamatkan kanak2 dari mati, saya telah berjumpa dan membincangkan

dengan bidan2 dan pekerja2 klinik di-seluruh negeri selain dari memberi pandangan saya sendiri tentang kematian kanak2 itu.

Saya telah di-beri tahu tentang kemiskinan ibu2 yang mendapati susah hendak menchari perbelanjaan dalam masa sa-belum bersalin dan sa-lepas bersalin. Saya telah juga mengetahui dan memberi pujian kapada bidan2 kerajaan yang telah menderma kapada ibu2 yang miskin yang mempunyai anak2 yang tidak cukup makanan.

PERLU BANTUAN

Anak laki2 dan perempuan itu di-ketahui di-punyai oleh bapa2 yang tidak mempunyai pekerjaan. Satengah2 bapa itu mendapat gaji hari yang tidak cukup untuk menyara keluarga-nya. Ini ia-lah satu perkara yang mementingkan bantuan kewangan daripada negeri yang berupa Allowance Bantuan Beranak.

Di-negeri2 barat seperti United Kingdom saya telah merenchanakan allowance bantuan kapada ibu yang baharu melahirkan anak sa-banyak £10 sa-orang. Allowance itu maseh lagi di-bayar oleh Kerajaan. Tujuan asal-nya membayar allowance itu ia-lah hendak mengurangkan kematian antara kanak2. Negeri Ireland maseh lagi membayar allowance itu kapada ibu2 yang baharu melahirkan anak.

Saya berasa kerajaan Brunei patut melancarkan bayaran allowance kapada ibu2 yang baharu melahirkan anak di-seluruh negeri di-bawah kelolaan suatu jawatankuasa negara seperti yang di-lakukan terhadap bayaran allowance kapada orang2 yang menghidap penyakit batok kering.

KESEHATAN RA'AYAT

Suatu allowance di-bayar kapada ibu2 yang baharu melahirkan anak sa-banyak tidak kurang dari \$100 sa-bulan akan memberi bantuan yang besar kapada ibu2 itu. Sunggoh pun demikian jumlah allowance itu dan syarat2-nya akan di-tetapkan oleh suatu jawatankuasa yang akan di-lantek oleh kerajaan untuk menguruskan perkara itu.

Dan lagi di-negeri Brunei ini sangat mustahak di-adakan jagaan kesihatan untuk ra'ayat yang tinggal di-kawasan2 luar bandar. Dalam segala ranchangan yang di-chadangkan bagi negeri ini sa-saorang itu hendak-lah berusaha menjamin supaya keistimewaan di-beri kapada perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Perkembangan perkhidmatan kesihatan luar bandar boleh di-chapai dengan segera de-

(Lihat muka 6)

Brunei anjorkan minggu orang2 pelarian

BANDAR BRUNEI. — Sa-lama sa-minggu dari 21 August ini Minggu Tahun Orang2 Pelarian Dunia akan di-jalankan di-Brunei untuk mengutip derma kerana memberi bantuan kepada orang2 pelarian dunia.

Jawatankuasa Orang2 Pelarian Tahunan Dunia Rayuan Brunei yang akan menguruskan minggu itu telah meranchangkan beberapa perkara untuk mendapatkan derma di-negeri ini.

Wang yang akan di-dapati itu ia-lah sa-bagai tambahan kepada derma kerajaan yang telah memberi \$10,000 kepada Derma Tahun Orang2 Pelarian pada akhir tahun lepas.

Untuk menjayakan minggu tersebut :—

◆ Jawatankuasa Orang2 Pelarian Tahunan Dunia Rayuan Brunei mengadakan tayangan film perchuma mengenai orang2 pelarian dunia di-dewan Civic Centre pada 21 August.

◆ Tiga buah panggong wayang gambar di-Bandar Brunei akan mendermakan keuntongan - nya bagi minggu itu kepada jawatankuasa.

◆ Pada 25 August ia-lah hari bendera. Pada hari ini bendera2 akan di-jual.

◆ Jualan aneka ragam di-dewan Civic Centre mulai pukul 10 pagi 25 August.

Sa-rentak dengan rayuan2 yang akan di-jalankan di-Bandar Brunei sa-buah jawatankuasa kecil bagi daerah Belait/Seria akan mengutip derma di-daerah itu mengikut peratoran2 yang akan2 sama seperti yang di-jalankan di-Bandar Brunei.

Tahun Orang2 Pelarian Dunia di-anjorkan oleh Bangsa2 Bersatu untuk memberi bantuan kepada berjuta2 orang2 pelarian semenjak tamat perang dunia kedua.

Kebanyakan mereka itu lari dari negeri2 Komunis dan berlingdong di-negeri2 bebas. Sa-bahagian besar dari orang2 pelarian itu ia-lah kaum Islam di-Palestine yang telah lari dari Israel.

Orang2 pelarian itu di-kenal dengan nama "Orang2 yang telah

tok memberi bantuan kepada mereka tetapi maseh banyak lagi wang yang di-kehendaki untuk merengankan kesusahan mereka itu.

Derma untuk membantu orang2 pelarian itu hendak-lah hantarkan kepada Hongkong Bank di-Bandar Brunei atau Kuala Belait atau kepada ahli2 Jawatankuasa Orang2 Pelarian Tahunan Dunia Rayuan Brunei, d/a Pejabat Kerja Raya, Bandar Brunei.

di-lupakan" kerana satengah2-nya telah tinggal di-kawasan2 perkhemahan semenjak 14 tahun dahulu.

Dengan pelancharan tahun orang2 pelarian dunia itu banyak perkara yang telah di-jayakan un-



Pengiran Anak Chuchu dalam istiadat berjalan di-atas kain puadai ka-rumah pengantin perempuan.

PERARAKAN SA-BATU PANJANG MENGELILINGI BANDAR BRUNEI

(Dari muka 1)

Pada 11 August telah di-langsungkan istiadat akad nikah dan istiadat kahwin pada pukul 3 dan 4.30 petang.

Istiadat menghantar balek pengantin laki2 ka-rumah-nya telah di-lakukan pada petang hari Ahad yang lalu dan pada malam itu satu istiadat membacha do'a selamat telah di-adakan dengan di-hadiri oleh ramai kerabat Diraja dan pehin2.

Mulai pukul 2 petang hari perkahwinan, kerabat2 Diraja dan tetamu laki2 dan perempuan telah kelihatan berduyun2 masuk ka-Jalan Carey menuju ka-rumah pengantin laki2 dan perempuan untuk menghadiri majlis.

Jamuan teh telah di-hidangkan di-rumah besar Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemancha yang letak-nya bersempadan di-jalan itu.

Tepat pada pukul 3 petang istiadat akad nikan telah di-jalankan di-rumah Duli Pengiran Pemancha oleh Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Sa-lepas itu sa-telah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan tahniah kepada Pengiran Anak Chuchu, pengantin laki2 itu di-apit turun dari rumah oleh Pengiran Shahbandar dan pehin2 untuk menaiki rumah pengantin perempuan.

Rombongan itu berjalan di-atas kain puadai berwarna putih yang telah di-bentangkan di-sa-panjang jalan dari rumah Duli Pengiran Pemancha ka-rumah Duli Pengiran Bendahara dengan di-iringi oleh orang2 jawat yang membawa alat2 perhiasan senipit, tombak dan pedang.

Kain puadai itu akhir-nya telah menjadi rebutan orang ramai yang telah menchebiskan-nya untuk di-jadikan kenang2an peristiwa perkahwinan itu.

Istiadat persandingan telah di-lakukan pada pukul 4.30 petang di-rumah Duli Pengiran Bendahara dan telah di-saksikan oleh Duli Yang Maha Mulia, kerabat2 Diraja, Dato Belloch dan dhafi2 yang telah penoh sesak di-rumah itu.

Mengikut achara2 perkahwinan, pengantin2 laki2 dan perempuan pun di-bawa turun dari rumah untuk menaiki kereta perarakan supaya mereka itu dapat di-perlihatkan kepada orang ramai.

Dalam perarakan yang lebih 1 batu panjang-nya itu hampir 200 buah kereta telah mengambil bahagian mengelilingi Bandar Brunei. Perarakan itu di-dahului oleh kereta2 yang membawa pemain2 hadrah dan alat2 perhiasan Diraja.

Kereta pengantin yang telah di-hiasi itu telah di-turuti oleh kenderaan Diraja yang membawa Duli Yang Maha Mulia dan putera2 sulung baginda, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Di-kiri dan kanan jalan2 yang di-lalui oleh perarakan itu orang ramai dan kanak2 kelihatan bergembira melambai2 kepada pengantin laki2 dan perempuan.

Mereka itu jarang2 melihat perarakan perkahwinan Diraja kerana perkahwinan yang sa-akan2 besar itu angkatan-nya berlaku hampir 8 tahun dahulu pada masa di-adakan istiadat perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Anak Kamaluddin bin Almerhum Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin dengan puteri sulung Duli Pengiran Bendahara.

Sa-bagai penghormatan pertandingan2 nyanyian dan lain2 permainan telah di-adakan di-kawasan rumah Duli Pengiran Bendahara pada malam2 istiadat perkahwinan itu di-jalankan.

Orang ramai telah dapat menyaksikan persembahan tari2 kebudayaan India dan Ceylon oleh penari2 dari negeri2 itu yang sedang melawat ka-negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Sa-lain dari itu tayangan wayang gambar dan persembahan gendang Sarawak telah juga di-adakan.

Perayaan kemenangan Malaya di - Seria

BANDAR BRUNEI. — Angkatan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Seria telah merayakan hari kemenangan Persekutuan Tanah Melayu melawan pengganas2 Komunis pada hari Ithnin 1 August yang lepas.

Angkatan Pulis Diraja Persekutuan itu telah mengadakan satu perbarisan kemenangan di-sertai dengan istiadat menaiki bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam istiadat tersebut Pegawai Pemerintah Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di Brunei, Inche Mohamed Noh bin Ahmad, telah memberi ucapan berkenaan dengan hari kemenangan.

Sa-lepas itu semua anggota2 Angkatan Pulis Diraja itu telah bertafakkur sa-lama dua minit kerana mengingati rakan2 sa-jawat mereka yang telah terkorban dalam peperangan melawan penjahat2 komunis.

Istiadat itu di-akhiri dengan tiga kali sorak sa-bagai menanda kesukachitaan dan kegembiraan anggota2 pulis tersebut.

RANCHANGAN SAMBUTAN MAULUD

BANDAR BRUNEI. — Sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. akan di-adakan di-kawasan mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada 3 September hadapan mulai pukul 2 petang.

Untuk menguruskan achara2 sambutan itu sa-buah jawatankuasa Sambutan Mauludun Nabi S.A.W. telah di-bentuk dengan Yang Berhormat Pengiran M. Yusuf sa-bagai setiausaha penerangan-nya.

Satu perarakan besar akan di-adakan kelak.

Dalam satu siaran Pengiran Yusuf berkata bahawa persekutuan2, sekolah2 dan kampung2 yang akan menyerti perarakan itu hendak-lah menyampaikan permohonan mereka kepada Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud, setiausaha jawatankuasa, d/a Pejabat Ugama Brunei tidak lewat dari 20 August.

Dalam permohonan itu hendak-lah di-nyatakan bilangan ahli2 yang akan mengambil bahagian dan juga bunyi chogan2 kata yang akan di-bawa berarak.

Sharikat perchetakan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Suatu sharikat perchetakan tempatan ada-lah di-jadualkan mendirikan sa-buah press untuk menchetak buku2 dan menerima upah menchetak di-sini tidak berapa lama lagi.

Segala persiapan telah di-ambil untuk membuka press itu sa-belum hujung tahun ini.

Press itu di-namakan Light Press dan di-tempatkan di-bahagian atas bangunan Ang Kim Boey akan menchetak dalam bahasa Melayu (Rumi dan Jawi), Inggeris dan China.

Perayaan2 hari keputeraan DYMM yang ke-44

BANDAR BRUNEI. — Sa-bagaimana tahun yang sudah2 ulangan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan yang jatuh pada 23 September itu di-sambut sa-chara besaran2 oleh segala peringkat penduduk negeri ini dengan berbagai2 perayaan untuk menandakan kasih sayang terhadap raja-nya dan menandakan 'selamat dargahayu' kapada baginda.

Achara2 perayaan kerana sambutan hari dargahayu Duli Yang Maha Mulia kali yang ke-44 pada tahun ini, antara-nya ia-lah:

◆ Malam Aneka Warna yang terdiri dari peraduan2 menyanyi, membaca sajak, bahath, panchak silat dan rongging Melayu Sarawak dan lain2, akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.

◆ Sukan laut dan darat, akan di-adakan di-Sungai Brunei di-hadapan Tambatan Kastam dan di-Padang Bandar Brunei.

◆ Perarakan darat dan laut, akan di-adakan di-Bandar Brunei dengan keinderaan berhias pada siang hari dan perahu2 berhias pada malam hari di-Sungai Brunei hadapan bangunan kastam.

◆ Berchuchul laut dan darat, terbuka kapada rumah2 di-Kampong Ayer dan Darat.

◆ Peraduan Mengarang dan

Lukisan, dan lain2.

Persiapan2 kerana sambutan perayaan tersebut telah diselenggarakan dengan membentok be-

berapa badan jawatankuasa untuk melaksanakan tugas2 yang disandangkan kapada mereka dalam hari perayaan kelak.

Kutipan derma telah di-peredarkan kapada taukey2 China, pejabat kerajaan, Sharikat2 perniagaan dan orang persaoangan.

Perayaan ini bukan sahaja di-adakan di-Bandar Brunei bahkan da'erah2 yang lain seperti Tutong, Belait dan Temburong, akan mengadakan perayaan yang tersendiri.

PASOKAN PANDU PUTERI BRUNEI SERTAI PERKHEMAHAN JUBILEE

BANDAR BRUNEI. — Pandu Puteri dari enam negara Tenggara Asia telah berhimpun di-Jesselton, Borneo Utara sa-lama seminggu hingga 10 August kerana mengadakan perkhemahan jubilee menyambut ulang tahun ke-50 penubohan pergerakan pandu puteri.

Negeri2 yang menghantar wakil ka-perkhemahan itu ia-lah Borneo Utara, Sarawak, Singapura, Malaya, Hongkong dan Brunei.

Rombongan pandu puteri Brunei terdiri dari 21 orang pandu puteri. Mereka itu di-ketuai oleh Pengiran Umi binti Pengiran Idrus.

Pengiran Umi telah berkhidmat dalam pergerakan pandu puteri semenjak penubohan-nya dalam tahun 1954.

Perkhemahan itu telah di-buka

dengan rasmi-nya di-asrama sekolah Secondary School, Jesselton oleh Lady Goode, isteri gabnor Borneo Utara.

Sa-lama perkhemahan itu berlangsung latehan2 dalam ilmu pandu puteri telah di-adakan.

Perkhemahan itu telah di-ketuai oleh Miss Wendy Bowden.

WAKIL BRUNEI



Dayangku Intan binti Pengiran Apog, ahli jawatankuasa Majlis Pemuda Pemudi Brunei yang telah berlepas bersama Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Abdul Rajid, pengerusi majlis dengan kapal terbang ka-Accra, Ghana, dalam bulan ini kerana mewakili Brunei dalam persidangan pemuda pemudi seluruh dunia di-Accra.

PEJABAT PERUBATAN TIDAK AKAN RAGU2 MENGAMBIL TINDAKAN

(Dari muka 4)

ngan menguatkan pertadbiran kesihatan pusat bagi perkhidmatan dan pengarah perkhidmatan bidan dan kesihatan kanak2 di-kawasan2 luar bandar. Ini boleh di-deraskan sa-baik sahaja wang dan kaki tangan yang terlatah di-dapati.

Yang mustahak ia-lah menchehagah dengan kuat penyakit2 yang menyerang kanak2 supaya penyakit itu tidak berlaku lagi di-sebabkan oleh kemiskinan.

Perkhidmatan kesihatan luar bandar itu hendak-lah ditambah untuk meluaskan perkhidmatan2 yang penting ia-itu termasuk jagaan kesihatan, kawalan ka-atas penyakit2 yang berjangkit, kesihatan ibu dan kanak2, kebersehan kawasan, didekan kesihatan dan statistik2 yang mustahak.

KAWASAN TERPENCIL

Perkhidmatan kesihatan luar bandar hendak-lah mempunyai doktor2 di-klinik2 yang mengawasi sister2 kesihatan, inspektor2 kesihatan awam, penolong2 rumah2 sakit yang terlatah, tukang2 membahagi ubat, jururawat2, bidan2 luar bandar dan lain2 kaki tangan yang mustahak bagi perkhidmatan itu.

Oleh sebab penduduk2 negeri ini tinggal di-kawasan2 yang terpencil, terutamanya di-kawasan2 luar bandar yang mempunyai perhubungan yang kurang baik itu, ada-lah di-fi-

kirkan bahawa sangat mustahak di-adakan perkhidmatan kenderaan bagi seluruh negeri jika satu gerakan yang sa-benar2nya hendak menyelamatkan bayi2 dari kematian yang siasia itu hendak di-laksanakan.

KURANG KENDERAAN

Tidak ada maana-nya bagi negeri ini mengadakan kaki tangan dan kelengkapan dengan tidak mempunyai kenderaan untuk membawa mereka kasana sini.

Perkhidmatan kesihatan luar bandar di-Brunei tidak-lah lain dari khas-nya mengadakan perkhidmatan kenderaan untuk kesihatan ra'ayat.

Pada masa ini ada ranchangan di-Trengganu, sa-buah negeri yang penduduk2-nya ramai tinggal di-luar bandar untuk memberi pertimbangan kapada perkara2 yang berhubung dengan kenderaan bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar-nya yang tidak chekap pada masa2 yang sudah oleh kerana kekurangan kenderaan.

Trengganu mempunyai kematian kanak2 yang tinggi sekali di-antara negeri2 di-Malaya.

TUJUAN MUTAMAD

Kechuali soal kenderaan itu di-beri segala pertimbangan yang menasabah yang di-perlukan-nya semua perkhidmatan kesihatan luar bandar di-negeri Brunei akan tergendala dalam tujuan mu'tamad-nya hen-

dak mengurangkan kematian kanak2 yang banyak itu.

Aduan telah di-terima berulang2 kali daripada doktor2 dan pegawai2 luar yang berkenaan di-kawasan2 luar bandar berkenaan dengan kekurangan kenderaan di-Brunei. Saya sendiri telah menyiasat hal ini sa-baik sahaja hal itu berlaku dan berasa bahawa aduan2 itu sangat menasabah. Pendapat saya mengenai perkhidmatan kenderaan pada masa yang lalu di-negeri ini ada-lah satu dari sebab2 kadar kematian yang tinggi di-antara kanak2 di-Brunei.

KERETA2 YANG LAJU

Kereta2 yang laju dan menchukupi bagi semua pegawai2 luar ada-lah sangat mustahak menggantikan semua kenderaan yang tidak laju, telah lama dan tidak mengikut masa itu dan jika kenderaan itu tidak di-ganti akan terus menjadi sebab kematian yang banyak antara kanak2.

Saya berkata lagi bahawa kenderaan ada-lah di-fikirkan satu perkara yang sangat penting yang boleh mengurangkan dengan banyak kadar kematian yang tinggi di-Brunei. Perkara ini sa-harus-nya mendapat pertimbangan yang berat daripada kerajaan apabila anggaran belanjawan 1961 itu siap untuk di-binchangkan.

Kemudahan dan kesenangan berjalan dalam negeri hendak-

lah menchukupi untuk membolehkan perkhidmatan itu diperluaskan ka-kawasan2 luar bandar yang terpencil. Rumah2 sakit daerah, klinik2 dan lain2 perkhidmatan khas hendak-lah dengan mudah boleh di-kunjongi.

KURANG MAKANAN

Dalam lapangan jagaan ibu dan kanak2 usaha hendak-lah di-tumpukan kapada lawatan. Dengan jalan ini dapat di-ketahui kejadian2 kurang makanan yang belum di-ketahui ia-itu satu perkara yang mustahak dalam ranchangan kesihatan luar bandar.

Perkhidmatan kesihatan luar bandar dalam masa yang lepas itu di-uruskan sa-chara tidak terator dan mempunyai kuasa yang terbatas. Perkhidmatan itu tidak chukup di-beri kaki tangan dan yang demikian lazim-nya tidak boleh menjalankan tanggung jawab pertadbiran dan kawalan yang rapi ka-atas kesihatan luar bandar di-bawah tadbiran mereka. Tanggong jawab pertadbiran hendak-lah di-susun dan usaha2 di-buat untuk menukutkan kuasa yang lebih luas ka-peringkat daerah dan kampung2.

Dari perkara2 yang di-butirkan di-atas, Pejabat Perubatan Brunei tidak akan ragu2 mengambil tindakan2 untuk mengurangkan kematian kanak2 yang siasia di-seluruh negeri.

Piala emas \$10,000 untok rebutan 3 negeri

Bandar Brunei. — Perlawanan basketball bahagian laki2 antara Brunei, Sarawak dan Borneo Utara untok merebutkan piala emas berharga \$10,000 akan di-langsungkan di-Kuching sa-lama tiga hari mulai dari 17 December hadapan.

Tuan Wee Hood Teck, sa-orang hartawan yang terkenal di-Sarawak telah bermurah hati mendermakan piala emas itu.

Perkara tersebut telah di-terangkan oleh Tuan Ong Kim Kee, Pengerusi Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Chung Hwa, Bandar Brunei.

Tuan Ong baharu sahaja ba-

lek ka-Brunei sa-lepas menghadhiri persidangan wakil2 persatuan2 basketball dari seluruh kawasan Borneo British di-Kuching.

Beliau berkata bahawa ini-lah kali pertama di-adakan perlaw-

nan basketball antara negeri2 tersebut.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-tiap2 buah negeri di-kawasan Borneo British sa-tahun sa-kali bergilir2 sa-bagaimana pertandingan sukan antara Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Se-lanjut-nya Tuan Ong menerangkan bahawa perlawanan basketball antara ketiga2 negeri tersebut akan di-langsungkan pada tahun hadapan di-Jesseltan dan dua tahun sa-lepas itu di-Bandar Brunei.

Meskipun telah ada chadangan supaya perlawanan basketball itu terbuka kepada bahagian2 laki2 dan perempuan, akan tetapi oleh kerana sebab2 yang telah tidak dapat di-elakkan, Brunei hanya akan dapat mengambil bahagian dalam perlawanan bahagian laki2 sahaja pada tahun ini.

Bagaimana pun, tegas Tuan Ong, pasokan basketball bahagian perempuan dari Negeri Brunei akan bertemu dengan Negeri2 Sarawak dan Borneo Utara pada masa hadapan kelak.

M. B. HADIAHKAN PIALA PERAK UNTOK JOHAN MR. BRUNEI 1960

BANDAR BRUNEI. — Ramai pemuda2 dari seluruh Negeri Brunei akan mengambil bahagian dalam pertandingan untok merebutkan gelaran "Mister Brunei Tahun 1960" di-Dewan Civic Centre pada malam 3 September hadapan.

Pada malam itu juga akan di-adakan pertandingan untok merebutkan gelaran "Junior Mister Brunei Tahun 1960" di-Dewan Civic Centre.

Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah menghadiahkan piala perak yang besar untok peserta yang berjaya dalam pertandingan "Mister Brunei".

Piala perak untok naib johan pertandingan itu di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Dato I. W. Belloch telah menghadiahkan piala perak untok pemenang per-

tandingan "Junior Mister Brunei", manakala piala perak untok naib johan pertandingan itu di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Hadiah2 untok peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut akan di-sampaikan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad.



Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei telah mengadakan sukan tahunan-nya yang berasingan bagi kali pertamanya dalam bulan ini. Sa-hingga itu sekolah itu telah mengadakan sukan tahunan-nya bersama dengan sekolah Sultan Omar Ali Saifuddin.

Sukan tahunan itu telah di-adakan di-padang SOAS dan telah berlangsung sa-lama dua hari. Murid2 yang mengambil bahagian telah di-bahagikan kepada empat "rumah".

Dalam gambar ini kelihatan satengah2 dari ahli2 "rumah" Merah yang mengambil bahagian dalam sukan tersebut.

GURU2 DAN PENUNTUT2 BERPAKAIAN BERAGAM

BANDAR BRUNEI. — Guru2 telah mengalahkan murid2 dengan satu gol tidak berbalas dalam perlawanan hokey berpakaian beragam di-padang S.O.A.S. College pada minggu lepas.

Guru2 dan murid2 itu ialah dari Sultan Omar Ali Saifuddin College termasuk guru besar nya, Tuan Williams.

Tujuan mengadakan perlawanan hokey berpakaian beragam yang menarek hati itu ia-lah sa-bagai menandakan kegembiraan akhir penggal yang kedua sa-belum mereka berchuti.

Peserta2 dalam perlawanan telah menjelma sa-bagai wanita dengan memakai gown, sari dan sa-bagai-nya di-samping memukul bola dengan kayu2 hokey.

Kedua2 pasokan telah bermain sama gagah dan para penuntut bergembira melihat tingkah laku pemain2 itu yang telah menimbulkan gelak ketawa.

Gol yang memberi kemenangan kepada pasokan guru2 itu telah di-jaringan tujuh minit sa-belum tamat pertengahan yang pertama.

Meski pun murid2 telah membuat serangan2 yang hebat di-kawasan pertahanan guru2 tetapi mereka tidak berjaya menjaringkan satu gol pun.

SOAS College johan dalam pertandingan hokey

BANDAR BRUNEI. — Sultan Omar Ali Saifuddin College telah berjaya memenangi gelaran johan pertandingan hokey bahagian pertama yang telah di-akhiri pada minggu lepas.

Brunei Sports Club telah menjadi naib johan, di-turut oleh Pejabat Kerja Raya, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Jabatan Pelajaran dan Pulis.

Dalam bahagian kedua pula, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah mendapat mata yang tinggi sa-kali.

Gelaran naib johan dalam bahagian kedua telah di-menangi oleh Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Civic Centre dan Jabatan Pelajaran dengan memperolehi mata yang sama telah mendapat gelaran yang ketiga, di-ikuti oleh Pejabat Ukur dan Pulis.



Guru2 dan murid2 SOAS berpakaian aneka ragam bergambar ramai sa-belum pertandingan hokey di-mulakan.

65,000 ra'ayat Tibet mati dalam perjuangan

HASIL PENYELIDEKAN PEGUAM INDIAN

NEW DELHI. — Lebih kurang 65,000 orang2 Tibet telah terbunuh di-Tibet di-antara tahun 1955 dan 1959, menurut satu daawaan yang di-buat oleh Tuan Purshottam Trikamdas, sa-orang peguam Indian yang terkemuka yang telah menjalankan penyiasatan atas Tibet bagi pehak Surohanjaya Kehakiman Antara Bangsa.

Tuan Trikamdas telah memberi tahu satu persidangan akhir di-Delhi bahawa angka itu di-dapati-nya dari Dalai Lama, Ketua Ugama orang2 Tibet dan boleh di-pakai hingga bulan June, 1959.

Beliau tidak mengetahui berapa ramai-kah orang2 Tibet telah mati dalam pertemporan2 semenjak itu.

Persidangan akhir telah diadakan sa-lepas satu laporan di-terbitkan di-Geneva oleh Jawatankuasa Penyelidikan Undang2 Surohanjaya Kehakiman Antara Bangsa yang di-pengerusikan oleh Tuan Trikamdas.

Tuan Trikamdas berkata bahawa Jawatankuasa Penyelidikan itu mempunyai malumat yang menyatakan bahawa ramai orang2 Tibet sekarang berpindah dari kawasan Timor ka-kawasan Barat negeri itu.

kan orang2 Tibet sa-bagai orang2 komunis sedang di-laksanakan dengan hebat-nya", dan juga bahawa sa-tengah2 hak2 asasi manusia yang di-necmati oleh orang2 Tibet sedang di-hapuskan dengan chepat-nya".

Tuan Trikamdas berkata bahawa China Komunis sedang membena jalan2 raya menghala ka-India di-lima atau enam tempat.

Sumber2 dari Tibet mendaawa bahawa 30,000 orang pelarian Tibet telah masuk ka-India, tetapi angka ini boleh jadi termasuk juga orang2 yang lari masuk ka-negara2 tetangga ia-itu Nepal, Bhutan dan Sikkim.

Berita akhir menunjukkan bahawa "tindakan2 bagi menjadi-

Malaya jelaskan syarat bagi mengi'tiraf China Komunis

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah berkata bahawa negeri-nya akan menyokong kemasokan negeri China komunis ka-dalam Pertubohan Bangsa2 Bersatu, jika kerajaan Peking mengakui kemerdekaan dan kedaulatan kerajaan Formosa.

Tengku telah membuat kenyataan ini sa-bagai menjawab satu

soalan yang telah di-majukan di-dalam parlemen.

Tengku berkata bahawa umum-nya kesulitan atas perkara ini ia-lah di-sebabkan China Komunis enggan mengakui kemerdekaan dan kedaulatan kerajaan Formosa.

Sa-kira-nya kerajaan Peking di-terima masuk menjadi ahli Pertubohan Bangsa2 Bersatu di-atas syarat2-nya, maka berjuta2 raayat China yang di-bawah pemerintahan Chiang Kai-Shek akan terkorban.

Orang2 China yang bukan komunis tentu-lah tidak mendapat belas ehsan, Tengku manambah kata.

PAKATAN ASAS DAPAT SAMBUTAN

MANILA. — Gulongan2 diplomatik di-sini telah menyatakan harapan mereka bahawa Indonesia akan turut serta dalam ASAS, persatuan yang di-chadangkan bagi negara2 Asia Tenggara.

Duta Indonesia Tuan Nazir Pamoenchak di-jangka akan berangkat ka-Jakarta tidak berapa lama lagi untuk mengadakan rundingan2 tingkat atasan dengan Kerajaan Indonesia mengenai kemungkinan Indonesia memasuki pertubohan itu.

Pertubohan itu telah di-anjorkan oleh Filipina dan Malaya dan Siam di-perchayai telah menyatakan keinginan-nya hendak turut serta.

Tuan Pamoenchak telah di-undang oleh Kementerian Luar Filipina ka-suatu persidangan dan telah di-beri keterangan tentang ASAS sa-bagai suatu rancangan kerjasama yang tidak berchorak tentera atau politik, dan tidak akan mengganggu dasar2 nasional sa-suatu negara.

Kertas2 kerja mengenai ASAS telah pun di-sampaikan kepada kerajaan2 Siam, Indonesia, Burma, Kemboja, Laos dan Vietnam Selatan.

Dalam pada itu Perdana Menteri Burma, U Nu berkata bahawa Burma tidak boleh di-paksa menyertai sa-buah persatuan negara2 Asia walau oleh siapa pun.

Beliau berkata bahawa Burma belum lagi di-undang untuk menyertai persatuan tersebut.

Siam dan Malaya teruskan kerjasama

BANGKOK. — Siam akan meneruskan kerjasama sa-penoh-nya dengan Malaya dalam usaha melawan pengganas2 Komunis di-hutan sempadan-nya walau pun dharurat anti Komunis telah tamat di-Malaya.

Ini telah di-nyatakan dengan rasmi-nya oleh Ketua Polis Siam, Luang Chart Trankokosel sa-telah pulang dari Kuala Lumpur di-mana ia telah merundingkan usaha2 menentang pengganas.

Luang Chart mengatakan bahawa ada kira2 600 orang pengganas Komunis bergerak di-sempadan Malaya-Siam.

Sa-orang ketua Komunis di-sempadan itu telah di-tangkap pada hujung minggu lepas. Ia mempunyai sa-keping kad pengenalan yang di-keluarkan oleh ketua Komunis Chin Peng serta wang Siam yang berharga \$450.

GHANA BERURA2 HENDAK MEMBERI BANTUAN TENTERA KAPADA CONGO

ACCRA. — Presiden Kwame Nkrumah dari Negara Ghana telah meminta kebenaran perlemen Ghana supaya tentera2 Ghana boleh di-pergunakan untuk tindakan2 menyerang terhadap tentera2 Belgium di-Congo.

Tindakan Ghana itu ada-lah berhubung dengan rancangan Bangsa2 Bersatu untuk mengeluarkan tentera2 Belgium yang akan di-perbincangkan di-dalam satu meshuarat tergepar oleh Majlis Keselamatan di-New York.

Meshuarat Majlis Keselamatan itu telah di-tanggohkan supaya dapat memberi peluang kepada wakil2 Congo menghadhirinya.

Satu rombongan yang di-ke-tuai oleh Timbalan Perdana Menteri Congo, Tuan Antoine Gizenga, ada-lah sedang dalam perjalanan-nya dari London.

Sementara itu, wakil2 sementara dari ahli2 Majlis Keselamatan yang datang-nya dari empat buah negeri ia-itu Ceylon, Tunisia, Argentina dan Ecuador telah mengadakan rundingan2 di-luar bilek meshuarat dalam satu usaha untuk mencapai satu persetujuan yang akan memberi puas hati kepada semua pehak.

Mereka telah berkali2 berunding pada penghujung minggu dengan menchari sokongan dari pehak orang2 Afrika ka-atas satu rancangan yang akan menuntut dengan lebih keras dari yang dahulu supaya tentera2 Belgium keluar dari Republik yang muda itu.

Dalam rundingan2 itu mereka memberi pengakuan juga kepada Wilayah Katanga yang berpisah

itu bahawa tentera2 Bangsa2 Bersatu tidak akan mengganggu perjalanan perlembagaan Katanga.

Ada-lah di-perchayai bahawa Amerika Sharikat telah memberi tahu Menteri Luar Belgium Pierre Wigny, bahawa jika pengundoran tentera2 Belgium di-lengahkan, maka ini akan membuka jalan kepada Russia untuk berchampur tangan di-Congo.

YANG DI-PERTUAN AGONG BEREHAT SA-TELAH DI-RAWAT DI-HOSPITAL

KUALA LUMPUR. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Hisamuddin Alam Shah, yang telah gering menghidap penyakit demam telah masuk ka-hospital dan akan tinggal di-sana sa-lama seminggu, demikian di-umumkan pada 7 August.

Satu pengumuman akhir menyatakan bahawa baginda yang berusia 62 tahun itu telah masuk ka-Bungsar Hospital untuk di-pereksa dan di-beri rawatan atas penyakit demam itu.

Baginda ada-lah di-jadualkan akan di-tabalkan pada 1 September.

Istiadat ini akan berserentak dengan hari penyambutan ulang tahun yang ketiga bagi Malaya mencapai kemerdekaan.

Sa-masa ketiadaan baginda, Timbalan Yang Di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, telah datang ka-Kuala Lumpur untuk memangku jawatan baginda.

Baginda telah menerima jawatan pada 8 August.

Kerajaan mengumumkan bahawa istiadat pertabalan Yang Di-Pertuan Agong yang di-jangka akan di-langsangkan pada 1 September itu telah di-tanggohkan.

Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah di-nasihatkan oleh doktor2-nya supaya berchat penoh sa-lama beberapa minggu.